

KADAR BAYARAN BANTUAN

Untuk Bantuan Awal Pengajian IPT dalam dan luar negara, kadar bantuan adalah seperti berikut :

Bil	Tahap Pengajian	Dalam Negara (RM)	Luar Negara (RM)
1.	Sijil	600	-
2.	Diploma	800	800
3.	Ijazah Sarjana Muda	1000	2000
4.	Sarjana	1200	2500
5.	PhD	1500	-



UNTUK KETERANGAN LANJUT

Yayasan Pendidikan MAIDAM,

Lot 9 & 10, Tingkat 1,

Bazar MAIDAM,

Jalan Masjid Abidin,

20100 Kuala Terengganu.

Tel : 09-622 3500 / 09-622 5600

Emel : info@ypmaidam.my



Yayasan Pendidikan MAIDAM



[ypmaidam.official](https://www.instagram.com/ypmaidam.official)



Yayasan Pendidikan MAIDAM Official

www.ypmaidam.my



Bantuan Awal

PENGAJIAN DALAM DAN LUAR NEGARA



► SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- Asnaf: Fisabilillah dan Miskin.
- Pemohon adalah rakyat negeri Terengganu yang menetap di negeri Terengganu atau pemastautin tetap di negeri Terengganu tidak kurang dari tiga (3) tahun berturut-turut sebelum melanjutkan pelajaran.
- Beragama Islam, baligh, berakal dan merdeka.
- Pelajar yang baru mendapat tawaran melanjutkan pelajaran.
- Tahap pengajian yang dipertimbangkan adalah Sijil / Pra Diploma / Asasi / Matrikulasi, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD).
- Tempoh pengajian tidak kurang dari enam (6) bulan dan tidak melibatkan bidang pengajian yang berkaitan industri hiburan.
- Layak dipertimbangkan bantuan sekali sahaja untuk setiap satu (1) tahap pengajian.
- Pemohon tidak bekerja dan tidak mempunyai sumber pendapatan sendiri/ tetap sama ada bergaji penuh atau sebahagian.
- Permohonan perlu dihantar dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh pendaftaran pengajian.

- Permohonan bantuan tidak boleh dipertimbangkan sekiranya terdapat mana - mana ibu dan bapa pemohon tidak menunaikan sepenuhnya zakat kepada MAIDAM jika bekerja di negeri Terengganu.

► KAEDAH PERMOHONAN

- Permohonan boleh dibuat secara 'online' menerusi laman web Yayasan Pendidikan MAIDAM.

<http://yp.maidam.gov.my/iptonline>

- Pemohon perlu memuat naik senarai dokumen seperti di bawah:
 - i. Salinan surat tawaran belajar yang rasmi.
 - ii. Salinan Sijil SPM/ Sijil Berhenti Sekolah.
 - iii. Salinan kad pengenalan pemohon, ibu bapa/ penjaga dan adik beradik dalam tanggungan.
 - iv. Salinan slip gaji/ akuan pendapatan / penyata pencen / kad pesara (pesara kerajaan) ibu dan bapa/ penjaga yang terkini.
 - v. Surat pengesahan mastautin terkini diperlukan bagi pemohon yang bukan rakyat negeri Terengganu yang telah bermastautin di negeri Terengganu tidak kurang dari tiga (3) tahun berturut-turut.

- vi. Salinan tiket penerbangan bagi pelajar persendirian luar negara.
- vii. Salinan sijil kematian/ penceraian ibu bapa (jika berkaitan).
- viii. Slip permohonan bantuan.

MAKLUMAN

Slip permohonan bantuan, surat akuan pendapatan dan surat akuan mastautin hendaklah menggunakan borang yang telah di sediakan oleh Yayasan Pendidikan MAIDAM. Dokumen tersebut perlu dicetak dan disahkan oleh pihak yang berautoriti di kawasan berkenaan sahaja sama ada amil zakat / pengerusi masjid / JPKK/ penghulu / yang berhormat (YB).

